

Mukhriz dilantik timbalan presiden PPBM
Free Malaysia Today
Nov 2, 2016
Adam Abu Bakar

Bekas Pengerusi SPR, Abdul Rashid dilantik sebagai naib presiden PPBM, manakala Kadir Jasin, abang Muhyiddin dan cucu bekas TPM menganggotai MPT parti itu.

PUTRAJAYA: Datuk Seri Mukhriz Mahathir dipilih mengisi kekosongan timbalan presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), manakala bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman pula dilantik sebagai naib presiden parti baharu itu.

Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pelantikan itu bertujuan melengkapkan organisasi parti secara keseluruhan.

“Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) jumlahnya 15 orang, maka dengan itu lengkaplah seluruh anggota MPT daripada jawatan pengerusi dan juga timbalan presiden yang diisi Mukhriz,” katanya dalam sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, hari ini.

Selain Rashid, 2 lagi naib presiden ialah Ketua Wanita Umno Bahagian Gopeng yang dipecat, Datuk Hamidah Osman serta peguam, Datuk Abdul Rashid Asari.

Bekas Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times, Datuk Kadir Jasin; abang Muhyiddin, Tan Sri Abdul Aziz Yassin; Tariq Ismail yang merupakan cucu bekas Timbalan Perdana Menteri, Dr Ismail Abdul Rahman serta bekas Exco Pemuda Umno, Mohd Rafiq Naizamohideen pula dilantik sebagai ahli MPT PPBM.

“Bagi saya bukan satu luar biasa dan bukan mudah. Walaupun orang tidak tahu, untuk jangka masa lama saya ahli Umno.

“Jadi, apabila keadaan negara menjadi buruk, saya rasa perlu apabila dijemput untuk terus berjuang dalam rangka PPBM ini. Saya mungkin boleh menyumbang kepada rangka perjuangan parti,” katanya kepada FMT.

Sayap Wanita dan Pemuda pula diketuai bekas ahli Wanita Umno Langkawi, Anina Saadudin dan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/02/mukhriz-dilantik-timbalan-presiden-ppbm/>